

# The Store 'pulangkan' semula dana

→ Tanggungjawab sosial kumpulan bantu kanak-kanak kurang berasib baik

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

► Sungai Buloh

Kumpulan The Store mengumpul dana RM113,000 menerusi Kempen 'Hope For Childhood Cancer' untuk di sumbangkan kepada kanak-kanak pesakit barah di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Kempen berlangsung pada 15 Oktober 2018 hingga 31 Mac lalu dilakukan atas inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam usaha memberi semula kepada

masyarakat terutama pada Ramadan.

Pengurus Besar Kanan Operasi Kumpulan The Store, Winky Pek, berkata sumbangan itu diharap dapat membantu kanak-kanak yang kurang berasib baik daripada keluarga kurang berkemampuan, sekali gus memberi harapan kepada masa depan mereka.

Katanya, Kumpulan The Store turut melaksanakan program CSR dengan kerjasama Yayasan MyKasih menerusi program Bantuan Makanan MyKasih.

"Program yang berlangsung 1 April hingga 30 September ini akan memberi bantuan kepada isi rumah terpilih dengan purata pendapatan RM1,500 sebulan.

"Penerima akan mendapat bantuan sebanyak RM80 sebulan dan akan dikreditkan ke dalam akaun MyKad masing-masing.

"Kejayaan dan keberkesanan sistem subsidi makanan ini memberi inspirasi kepada Kumpulan The Store untuk terus menyokong Yayasan MyKasih Malaysia," katanya pada majlis penyampaian cek dan hadiah kepada pemenang peradu-



**Winky (dua dari kiri)** bersama pemenang pada majlis penyampaian hadiah peraduan Kemeriah Perayaan Ganjaran Hebat di Pasar Raya The Store, Sungai Buloh, semalam.

an Kemeriah Perayaan Ganjaran Hebat, dekat sini, semalam.

Sumbangan cek daripada tabung 'Hope For Childhood Cancer' disampaikan Winky kepada Ketua Bahagian Hematologi Pediatrik-Onkologi dan Pemindahan Sum-Sum Tulang PPUM, Prof Dr Hany Ariffin.

Pada majlis itu Kumpulan The Store turut meraikan 60 warga Yayasan MyKasih dalam majlis ber-

buka puasa.

## Rai pelanggan setia

Sementara itu, Winky berkata, Kumpulan The Store juga meraihkan pelanggan setianya yang memenangi peraduan Kemeriah Perayaan Ganjaran Hebat.

"Bukan saja pelanggan dapat membeli barang berkualiti pada harga berpatutan tetapi mereka

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]

jug berpeluang merebut hadiah utama iaitu sebuah Perodua Myvi 1.3G dan dua unit Axia 1.0G.

"Ini tanda terima kasih kami kepada pelanggan setia. Sempena ulang tahun ke-51, The Store juga akan mengadakan peraduan 'Anniversary GIFTaway' bermula 9 Mei hingga 31 Ogos ini dengan tawaran hadiah bernilai RM500,000," katanya.